



TEKS UCAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA
DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
DAN PENGURNIAAN HADIAH
MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1446H/2025M**

TARIKH:

**2 MEI 2025 / 4 ZULKAEDAH 1446H
(JUMAAT)**

TEMPAT:

DEWAN WAWASAN 2020, KANGAR, PERLIS

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَ الْقُرْآنَ، خَلَقَ الْإِنْسَانَ، عَلَّمَهُ الْبَيَانَ،
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ الْهَادِي الْعَدْنَانِ، الَّذِي كَانَ خُلُقُهُ الْقُرْآنَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ بِإِحْسَانٍ.

Setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian ke hadrat Allah SWT di atas anugerah, Taufiq dan Hidayah-Nya.

Selawat dan Salam ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, Para Sahabat, Para Tabi'in dan ahli keluarga baginda.

Mengadap,

**Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin
Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail**

Mengadap,

**Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis,
Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul
Rashid**

Mengadap,

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis,

**Tuanku Syed Fai-zuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin
Jamalullail**

Dan Mengadap,

**Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis,
Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil**

Ampun Tuanku,

**Dengan penuh hormat dan takzimnya, patik merafak sembah,
menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli-
Duli Tuanku mencemar duli berangkat hadir ke Majlis
Perasmian Penutupan dan Pengurniaan Hadiah Majlis Tilawah
dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1446 Hijri
bersamaan 2025 Masihi.**

Sesungguhnya keberangkatan Duli - Duli Tuanku, amat dialu-
alukan dan dinanti-nantikan oleh seluruh hadirin, terutamanya
warga penganjur dan urusetia majlis yang penuh keberkatan ini.

Ampun Tuanku,

Patik ingin menyembah maklum bahawa Majlis Tilawah dan
Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTQHK) Tahun
1446H/2025M yang diadakan di negeri Perlis pada kali ini
melibatkan penyertaan seramai 112 peserta daripada seluruh
negeri. Setiap negeri diwakili oleh lapan peserta, iaitu dua peserta

dalam pertandingan Tilawah Al-Quran manakala enam peserta dalam pertandingan Hafazan Al-Quran. Dewan Wawasan 2020 di Kangar, Perlis menjadi lokasi majlis yang bermula pada 27 April lalu hingga 2 Mei 2025 hari ini. Sepanjang tempoh enam hari ini, ia berlangsung dari jam 9 pagi hingga 11 malam.

Ampun Tuanku,

Dengan penuh hormat dan takzimnya, patik mohon izin dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk patik menyampaikan ucapan kepada hadirin sekalian.

Menjunjung Kasih Tuanku,

**Yang Amat Berhormat Tuan Mohd Shukri Bin Ramli,
Menteri Besar Perlis Dan Yang Amat Berbahagia Pn. Najwa
Binti Othman**

**Yang Berhormat Tuan Rus'Sele Bin Eizan,
Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis Dan Isteri**

**Yang Berhormat Dato' Rahimi Bin Ismail,
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Dan Yang Berbahagia Datin**

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Sirajuddin Bin Suhaimee,
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perlis Dan Pasangan**

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dan Pasangan

**Yang Berbahagia Dato' Seri-Dato' Seri, Datin Seri-Datin Seri,
Dato-Dato, Datin-Datin**

**Ketua-Ketua Jabatan Negeri Dan Persekutuan, Dif-Dif
Jemputan, Yang Arif Para Jemaah Hakim Majlis Tilawah Dan
Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan**

Rakan-Rakan Media,

**Seterusnya Tuan-Tuan, Puan-Puan Serta Hadirin Hadirat Yang
Dihormati Sekalian,**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Pertamanya, marilah kita memanjatkan rasa setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama hadir ke **Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H/2024M.**
2. Tahniah diucapkan kepada warga urusetia semua peserta yang telah menjayakan Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran

Peringkat Kebangsaan pada kali ini. Penyertaan Tuan-tuan dan Puan-puan amatlah dihargai dan pastinya menjadi suatu amal bakti dalam meninggikan martabat Al-Quran di negara ini.

Hadirin pencinta Al-Quran yang dihormati sekalian,

3. Sejak tahun 1960, majlis yang berprestij ini dianjurkan saban tahun secara konsisten. Malah ketika era pandemik Covid-19 melanda, ia tetap berlangsung meskipun secara dalam talian. Ertinya, penganjuran Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran di negara kita Malaysia telah berlangsung melebihi enam dekad lamanya. Malah, kita semua menyaksikan betapa Majlis Tilawah Al-Quran di negara kita ini telah dijayakan di pelbagai peringkat bermula dari peringkat sekolah, kariah, daerah dan negeri sebelum ke peringkat kebangsaan.
4. Pastinya, penganjuran Majlis Tilawah dan Hafazan yang dilaksanakan setiap tahun ini bertujuan memupuk budaya membaca Al-Quran dalam kalangan umat Islam di negara ini. Ini seiring dengan nilai istiqamah yang menjadi salah satu nilai utama bagi melahirkan generasi *al-Falah* dan ia amat signifikan dalam penganjuran majlis ini.

5. Majlis ini juga bukan sekadar pentas untuk memperdengarkan kemerduan tarannum bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Ternyata matlamat penganjuran majlis ini jauh lebih besar. Di samping bertujuan membudayakan pembacaan dan mengangkat martabat Al-Quran, ia merupakan suatu usaha untuk membawa penghayatan Al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan.
6. Selaras matlamat itu, kita menyaksikan segmen ibrah dipersembahkan dan menjadi salah satu slot di dalam majlis ini. Ia menjadi medium penghayatan untuk kita merenung, dan mendakap hikmah yang terkandung di dalam Al-Quran.
7. Sesungguhnya, al-Quran diturunkan untuk membawa petunjuk kepada kehidupan umat manusia. Sesiapa yang berpegang teguh dengannya, pasti akan memperoleh rahmat dan keberkatannya. Maka, usaha-usaha untuk mendekatkan diri dengan Al-Quran dan menghayatinya perlu terus dilaksanakan. Inilah yang telah dinyatakan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-An'aam ayat 155:

أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

Maksud ayat:

Dan ini sebuah Kitab (Al-Quran) yang Kami turunkan, yang ada berkatnya (banyak manfaatnya). Oleh itu, hendaklah kamu menurutnya; dan bertaqwalah (kepada Allah), mudah-mudahan kamu beroleh rahmat.

8. Selaras keperluan ini, marilah kita berusaha untuk menguasai ilmu Al-Quran dengan belajar dan mengajarkannya pula. Sesungguhnya, menjadi para pendokong Al-Quran merupakan satu keistimewaan dan kelebihan. Mengenai perkara ini, Rasulullah SAW pernah bersabda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya: “Sebaik-baik kamu adalah orang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya”.

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian,

9. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua peserta yang telah terpilih untuk menyertai majlis pada kali ini. Kehadiran saudara dan saudari sekalian bukan sekadar satu penyertaan, tetapi satu pengiktirafan terhadap kegigihan semua dalam menekuni al-Quran, Kalamullah.
10. Mudah-mudahan ia menjadi asbab untuk kita semua menambahbaik bacaan, meningkatkan penghayatan dalam mengamalkan isi kandungan al-Quran dalam kehidupan sehari-hari. Menang atau kalah itu lumrah, namun usaha keras dan kegigihan para peserta adalah inspirasi buat ummah.
11. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada barisan Jemaah Hakim yang telah menjalankan tugas dengan penuh amanah, adil dan saksama dalam menghakimi semua peserta. Semoga Allah SWT memberi ganjaran atas kebaikan kepada barisan Ashabul Fadhilah para Jemaah Hakim sekalian.

12. Bagi pihak Kerajaan Persekutuan, saya ingin menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga kepada **Yang Amat Berhormat Tuan Mohd Shukri bin Ramli, Menteri Besar Negeri Perlis** serta seluruh jentera Kerajaan Negeri Perlis, atas kerjasama erat dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan penganjuran majlis ini. Tanpa dokongan dan sokongan yang padu ini, sudah tentu majlis berprestij ini tidak dapat direalisasikan dengan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada seluruh masyarakat Negeri Perlis yang telah memberikan sokongan kepada penganjuran majlis pada kali ini.

Ampun Tuanku beribu ribu ampun, sembah patik mohon di ampun.

Demikianlah sembah ucapan patik sempena majlis ini. Sekali lagi, patik merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku berangkat ke majlis pada malam ini.

Semoga dengan limpah rahmat Allah SWT, Duli-Duli Tuanku terus dikurniakan kesihatan yang baik dan sentiasa berada dalam kebahagiaan serta kesejahteraan selama-lamanya.

Patik mohon dengan segala kerendahan, merafakkan sembah menyusun jari sepuluh, andai tiada tertib mengatur tutur kata, patik pohonkan keampunan. Jika tiada hemah patik pohonkan petunjuk.

Patik menjunjung kasih,

Ampun Tuanku.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ، وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ.